

Bantu Orang Asli tanam 'rock melon'

» Yayasan Salam, Yayasan Maybank, bawa teknologi fertigasi kepada penduduk Kampung Ulu Melaka

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

Hulu Selangor

Diberi pancing bukannya ikan! Itulah yang cuba dilaksanakan Yayasan Salam Malaysia dan Yayasan Maybank yang bekerjasama membangunkan projek komuniti tanaman tembikai wangi atau rock melon menggunakan teknologi fertigasi di Kampung Orang Asli Ulu Melaka, Serendah.

Peserta gabungan generasi muda dan tua dipantau selama dua tahun, diberi nasihat teknikal dan tunjuk ajar sebelum berdikari selepas berupaya mengendalikannya ladang tanaman komuniti membabitkan kawasan 110 kaki lebar dan 180 kaki panjang itu.

Sebagai permulaan, 4,000 polybeg semeian disediakan dan dijangka mengeluarkan hasil tanaman mencecah RM30,000 dalam tempoh 65 hari.

Menggunakan konsep 'bina, latih dan laksana' peserta dibimbing dari segi teknik pertanian, pembuatan baja dan racun, penjenamaan melalui laman web, blog dan media sosial sehingga



Md Ghani (tengah) bersama Eliza menunjukkan cara menanam tembikai wangi kepada peserta projek sambil diperhatikan sukarelawan pada Projek Pertanian Komuniti Fertigasi Yayasan Salam / Yayasan Maybank, di Kampung Ulu Melaka, Serendah.

B/H 24/9/12 MS 10

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

lah perniagaan dalam talian menggunakan kemudahan Pusat IT yang dibangunkan Yayasan Salam Malaysia di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, berdekatan kampung mereka.

Ketua Pegawai Operasi Yayasan Salam Malaysia, Md Ghani Ibrahim berkata, pihaknya memperuntukkan RM60,000 untuk projek itu, dibantu sumbangan Yayasan Maybank RM28,000 secara berperingkat.

Katanya, projek turut disokong Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Universiti Putra Malaysia

(UPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli.

Serampang dua mata

"Projek serampang dua mata ini untuk membangunkan sosio-ekonomi penduduk dengan mengajar kemahiran baru, iaitu teknik tanaman fertigasi berbanding tanaman konvensional dan memberi peluang pekerjaan, khususnya kepada Orang Asli berpendapatan rendah.

"Mereka diajar teknik pemasaran menggunakan internet selain hasil tanaman dibeli oleh

FAMA," katanya.

Ketua Hal Ehwal Korporat Maybank, Eliza Mohamed berkata ia antara 20 projek terbaik di bawah Cabaran Cahaya Kasih (CKC) Maybank sempena Hari Tanggungjawab Korporat Sedunia pada Sabtu lalu yang menerima penyertaan 227 projek komuniti, di 19 negara.

Pihaknya bekerjasama dengan Yayasan Salam Malaysia selepas mendapati projek itu mempunyai elemen kelangsungan membantu membangunkan ekonomi 350 penduduk daripada 100 keluarga Orang Asli suku Temuan di kampung itu.



“Projek ini rahmat tuhan kepada individu seperti saya yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan boleh jadi petani moden.”

Amran Mustafa,
Peserta Projek



“Kita nak laksanakan projek yang beri impak kepada komuniti.”

Sharifah Nur Izma Syed Izuddin,
Ketua Projek Pertanian Komuniti Fertigasi

Teknik moden kurang penggunaan tanah

Projek pertanian komuniti menggunakan teknik fertigasi membolehkan Orang Asli memaksimumkan penggunaan tanah menggunakan teknik pertanian moden.

Sukarelawan yang juga ketua projek, Sharifah Nur Izma Syed Izuddin, berkata kebiasaannya Orang Asli menggunakan teknik tanaman secara manual yang tidak kos efektif.

Untung berlipat ganda

“Kita nak laksanakan projek yang beri impak kepada komuniti dan teknik ini mampu memberi keuntungan berlipat ganda berbanding cara manual. Tujuan sebenar boleh dicapai sejajar dengan hasrat Maybank membantu golongan

ini dari segi ekonomi,” katanya.

Rakan setugasnya, Aznina Mohd Yusof, berkata projek komuniti yang tersenarai antara 20 projek terbaik di bawah Cabaran Cahaya Kasih (CKC) itu memberi peluang kepada sukarelawan berkomunikasi dengan masyarakat setempat.

Kerja kebajikan

“Ini peluang baik untuk kakitangan Maybank melakukan kerja kebajikan untuk masyarakat pelbagai lapisan, termasuk Orang Asli,” katanya.

Sukarelawan, Mohd Fazmy Mohd Denan, menyifatkan projek komuniti itu sebagai platform terbaik mengukuhkan kerjasama kakitangan institusi perbankan itu.



Kanak-kanak dari Kampung Ulu Melaka Serendah, melakukan senaman sebelum memulakan Projek Pertanian Komuniti Fertigasi Yayasan Salam/Yayasan Maybank.